

## **Pakej Bantuan Peralihan bagi Kenderaan Bahan Api Tunggal NGV ("Pakej")/ *Transition Assistance Package for NGV Monofuel Vehicles ("Package")***

### **Soalan-Soalan Lazim/Frequently Asked Questions (FAQ)**

#### **1. Apakah maksud kenderaan Bahan Api Tunggal NGV?**

Kenderaan Bahan Api Tunggal NGV adalah kenderaan yang dikuasakan oleh Bahan Api Tunggal NGV sahaja.

#### **What is a mono-fuel NGV vehicle?**

Mono-fuel vehicle is a vehicle powered solely by NGV fuel.

#### **2. Apakah bentuk tawaran yang akan diberikan dibawah Tawaran Pakej Bantuan Peralihan bagi Kenderaan NGV Mono-Fuel?**

Pakej Bantuan Peralihan bagi kenderaan bahan api tunggal NGV adalah bayaran wang tunai secara 'one-off' kepada pemilik kenderaan mono-fuel yang layak dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

#### **What types of offers are available under the Transition Assistance Package Offer for Mono-Fuel NGV Vehicles?**

The Transition Assistance Package for Mono-Fuel NGV Vehicles is a one-time cash payment provided to eligible mono-fuel vehicle owners, subject to the terms and conditions set by the program.

#### **3. Apakah syarat kelayakan permohonan untuk program ini?**

Syarat-syarat kelayakan bagi program ini adalah seperti berikut:

- a. Kenderaan didaftarkan sebagai Kenderaan Bahan Api Tunggal NGV di JPJ.
- b. Kenderaan NGV jenis Kenderaan Bahan Api Tunggal NGV yang dikuasakan oleh bahan api NGV sahaja.
- c. Lesen Kenderaan Motor (LKM) /Roadtax adalah aktif dari 1 Oktober 2021 hingga 30 September 2024.

#### **What are the eligibility requirements for applying to the Transition Assistance Package for Mono-Fuel NGV Vehicles?**

The eligibility requirements for the program are as follows:

- a. The vehicle is registered as an NGV Mono-Fuel vehicle at JPJ.
- b. Mono-Fuel type NGV vehicles powered by NGV fuel only.
- c. Motor Vehicle License (LKM) /Roadtax is valid from 1st October 2021 to 30th September 2024

#### **4. Bilakah program ini akan dilaksanakan??**

Tarikh terakhir untuk memohon Pakej bantuan ini adalah selewat lewatnya pada 31 Disember 2024.

**When will this program be implemented?**

The deadline to apply for this Package is no later than 31 December 2024.

**5. Kenderaan saya sudah lama tidak beroperasi dan tidak berfungsi. Adakah saya layak untuk memohon?**

Bergantung kepada syarat kelayakan dan kenderaan Bahan Api Tunggal NGV perlulah masih dalam keadaan berfungsi.

**My vehicle has been out of operation and is non-functional for a while. Am I still eligible to apply?**

Subject to eligibility criteria, the Mono-fuel vehicle must still be in working condition.

**6. Apakah informasi dan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk proses permohonan program ini?**

Informasi yang diperlukan adalah seperti berikut:

- i. Nombor casis kenderaan
- ii. Nombor pendaftaran kenderaan

Dokumen yang diperlukan semasa pendaftaran:

1. Bagi pendaftaran kategori syarikat:

- i. Nama syarikat (salinan SSM)
- ii. Nombor telefon
- iii. Alamat emel
- iv. Imej kenderaan
- v. Salinan LKM/roadtax
- vi. Salinan geran

2. Bagi pendaftaran kategori individu:

- i. Nama Individu (salinan kad pengenalan)
- ii. Nombor telefon
- iii. Alamat emel
- iv. Imej kenderaan
- v. Salinan LKM/roadtax
- vi. Salinan geran

\*Salinan geran dan LKM/roadtax boleh didapati di dalam aplikasi myJPJ

**What information and documents are required for the application process?**

Required information:

- i. Chassis number
- ii. Vehicle registration number

Documents required during registration:

For company registration:

- i. Company name (copy of SSM)
- ii. Phone number
- iii. Email address
- iv. Vehicle image
- v. Copy of roadtax
- vi. Copy of grant

For individual registration:

- i. Individual name (copy of IC)
- ii. Phone number
- iii. Email address
- iv. Vehicle image
- v. Copy of road tax
- vi. Copy of grant

\*Copy of the grant/roadtax can be found in the myJPJ app.

- 7. Saya mempunyai lebih dari satu (1) kenderaan Bahan Api Tunggal NGV. Bolehkah saya mendaftar semua kenderaan saya?**

Anda boleh mendaftar sehingga 5 kenderaan bagi setiap permohonan.

**I own more than one Mono-fuel vehicle. Can I register all of my vehicles?**

You may register up to 5 vehicles for each application.

- 8. Saya tidak menerima sebarang maklumbalas berkenaan status permohonan kenderaan saya selepas 7 hari bekerja. Apakah perlu saya lakukan?**

Anda boleh menghubungi Mesralink di talian 1-300-88-8181 untuk sebarang bantuan.

**I have not received any feedback regarding the status of my vehicle application after 7 working days. What should I do?**

You may contact Mesralink at 1-300-88-8181 for assistance.

- 9. Saya sudah melampirkan semua dokumen-dokumen yang diperlukan semasa proses pendaftaran di laman sesawang "www.peralihangv.com" Apakah proses seterusnya?**

Anda akan menerima emel notifikasi sama ada layak atau tidak layak di alamat emel yang berdaftar selewat-lewatnya 7 hari lepas pendaftaran dilakukan. Bagi permohonan yang layak, wakil penilai bebas yang dilantik oleh pihak PNGV akan menghubungi anda untuk menetapkan temujanji penilaian kenderaan.

**I have attached all the required documents during the registration process on the website "www.peralihangv.com" What is the next step?**

You will receive an email notification regarding your eligibility within 7 days of registration. For eligible applications, an appointed independent valuer by PNGV will contact you to schedule a vehicle evaluation appointment.

**10. Bolehkah saya menukar tarikh temujanji penilaian kenderaan yang telah ditetapkan?**

Boleh. Anda hanya perlu menghubungi wakil penilai bebas yang dilantik yang berurusan dengan anda bagi menukar tarikh temujanji yang baharu.

**Can I reschedule the vehicle evaluation appointment that has already been set?**

Yes. You will need to contact the appointed independent valuer who is assigned to you to arrange a new appointment date.

**11. Bolehkah saya memilih penilai kenderaan pilihan saya sendiri?**

Tidak boleh. Hanya wakil penilai bebas yang dilantik oleh pihak PNGV sahaja yang boleh melakukan proses penilaian kenderaan anda.

**Can I choose my own preferred vehicle valuer?**

No, only vehicle valuer appointed by PNGV are allowed to conduct the valuation process.

**12. Saya tidak berpuas hati dengan cara penilaian oleh wakil penilai bebas yang dilantik. Apakah saluran aduan yang boleh saya buat?**

Anda boleh membuat sebarang aduan dengan menghantar emel di alamat [mesralink@petronas.com](mailto:mesralink@petronas.com) atau dengan menghubungi khidmat pelanggan Mesralink ditalian 1-300-88-8181.

**I am not satisfied with the valuation conducted by the appointed independent valuer. Which complaint channels are available for me to use?**

You can file a complaint by sending an email to [mesralink@petronas.com](mailto:mesralink@petronas.com) or by contacting Mesralink customer service at 1-300-88-8181.

**13. Berapakah anggaran masa yang diambil bagi setiap penilaian kenderaan?**

Anggaran masa yang diperlukan bagi setiap penilaian kenderaan adalah diantara 15 ke 20 minit.

**What is the estimated time required for each vehicle valuation?**

The estimated time required for each vehicle valuation is between 15 to 20 minutes.

**14. Bagaimanakah proses penilaian kenderaan saya dilakukan?**

Penilaian kenderaan anda dilakukan berdasarkan senarai semak penilaian kenderaan oleh wakil penilai bebas yang dilantik.

**How is the valuation process for my vehicle conducted?**

Your vehicle valuation is conducted based on a vehicle evaluation checklist by the appointed independent valuer.

**15. Dimanakah lokasi penilaian kenderaan saya dilakukan?**

Tempat dan masa penilaian akan dilakukan mengikut persetujuan antara anda dan wakil penilai bebas yang dilantik semasa proses temujanji.

**Where will my vehicle valuation be conducted?**

The location and time of the valuation will be determined based on the agreement between you and the appointed independent valuer during the appointment scheduling process.

**16. Saya tidak bersetuju dengan lokasi penilaian kenderaan yang disyorkan oleh wakil penilai bebas dan bolehkah saya memilih lokasi saya sendiri bagi tujuan tersebut?**

Ya, boleh. Anda hanya perlu berbincang dengan wakil penilai bebas yang dilantik untuk menetapkan lokasi yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

**I disagree with the vehicle valuation location suggested by the appointed independent valuer. Is it possible for me to choose my own location for the valuation?**

Yes. You just need to communicate with the appointed independent valuer to agree on a location that works for both parties.

**17. Saya bersetuju dengan nilai tawaran yang diberikan bagi kenderaan saya di bawah program ini. Apakah proses seterusnya?**

1. Anda perlu menandatangani surat persetujuan dari pihak wakil penilai bebas dan membalas emel yang dihantar dalam tempoh masa 5 hari daripada tarikh terima emel tersebut.
2. Bagi tujuan pembayaran, anda perlu mengisi maklumat berserta dokumen-dokumen sokongan (seperti dibawah) .
3. Pemilik kenderaan bersetuju dan hendaklah menghapuskan kenderaan melalui wakil AATF (<https://www.doe.gov.my/en/list-of-authorized-automotive-treatment-facilities-aatf/>) yang diiktiraf bagi mendapatkan pembatalan pendaftaran daripada pihak JPJ.
4. Bayaran akan dikreditkan ke dalam akaun bank yang didaftarkan selepas 5 hari bekerja mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.

Maklumat yang diperlukan:

- i. Nama syarikat (kategori syarikat) / Nama individu (kategori individu)
- ii. Nombor akaun bank terkini /nama bank

Dokumen sokongan:

- i. Sijil pembatalan pendaftaran daripada JPJ (K1d)
- ii. Sijil penghapusan kenderaan dari wakil AATF.
- iii. Kenyataan bank terkini (Bank Statement)
- iv. Akaun penerimaan yang ditandatangani

**I agree with the offer value provided for my vehicle under this program. What is the next step?**

1. The vehicle owner must sign the agreement letter from the appointed independent valuer and reply to the email within 5 days of receiving it.
2. For payment purposes, you need to fill in the required information and provide the supporting documents listed below.
3. The vehicle owner must dispose of the vehicle through an authorized AATF representative (<https://www.doe.gov.my/en/list-of-authorized-automotive-treatment-facilities-aatf/>) to obtain a deregistration certificate from JPJ.
4. Payment will be credited to the registered bank account within 5 working days, subject to the terms and conditions.

Required Information:

- i. Company Name (for companies) / Individual Name (for individuals)
- ii. Latest Bank account number/bank name

Supporting Documents:

- i. Deregistration certificate from JPJ (K1d)
- ii. Vehicle disposal certificate from the AATF representative
- iii. Latest Bank statement
- iv. Signed consent form

**18. Saya tidak bersetuju dengan nilai tawaran yang diberikan bagi kenderaan saya di bawah program ini. Apakah proses seterusnya?**

Nilai tawaran yang diberikan adalah yang terbaik dan kompetitif berdasarkan penilaian profesional yang diiktiraf. Namun, segala maklum balas berkenaan harga dan justifikasi boleh dikemukakan dengan menghantar emel serta dokumen sokongan di alamat [mesralink@petronas.com](mailto:mesralink@petronas.com).

**I disagree with the offer value provided for my vehicle under this program. What is the next step?**

The offer value provided is the best and most competitive, based on a recognized professional valuation. However, any feedback regarding the price and its justification can be submitted by sending an email along with supporting documents to [mesralink@petronas.com](mailto:mesralink@petronas.com).

**19. Apakah itu AATF ?**

Authorised Automotive Treatment Facility (AATF) adalah pusat pelupusan kenderaan yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (JAS). Di sini pemilik kenderaan boleh menghantar dan melupuskan kenderaan dengan kaedah yang betul dan selamat serta mematuhi peraturan alam sekitar. AATF menyediakan Sijil Pemusnahan (COD) kenderaan dan Sijil pembatalan pendaftaran daripada JPJ (K1d). Maklumat lanjut tentang AATF boleh diperolehi di laman sesawang <https://www.doe.gov.my/en/list-of-authorized-automotive-treatment-facilities-aatf/>

**What is AATF**

The Authorised Automotive Treatment Facility (AATF) is a vehicle disposal center licensed by the Department of Environment, Ministry of Natural Resources and

Environmental Sustainability (JAS). Here, vehicle owners can send and dispose of their vehicles in a proper and safe manner, complying with environmental regulations. AATF provides a Certificate of Destruction (COD) for the vehicle and a deregistration certificate from JPJ (K1d). Further information on AATF can be found on <https://www.doe.gov.my/en/list-of-authorized-automotive-treatment-facilities-aatf/>

**20. Dimanakah lokasi pusat pelupusan yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (JAS)?**

Lokasi AATF boleh disemak di laman sesawang "<https://www.doe.gov.my/en/list-of-authorized-automotive-treatment-facilities-aatf/>".

**What is an AATF, and what is its function?**

The location of AATF can be checked on the website "<https://www.doe.gov.my/en/list-of-authorized-automotive-treatment-facilities-aatf/>".

**21. Bolehkah saya memilih tempat pelupusan selain daripada yang berdaftar dengan AATF?**

Tidak boleh. Pelupusan kenderaan hanya boleh dilakukan di tempat yang berdaftar dengan AATF sahaja kerana AATF sahaja yang boleh mengeluarkan Sijil Pemusnahan (COD) kenderaan. Maklumat lanjut boleh layari "<https://www.doe.gov.my/en/list-of-authorized-automotive-treatment-facilities-aatf/>".

**Can I choose a disposal site other than those registered with AATF?**

No. Vehicle disposal can only be carried out at locations registered with AATF, as only AATF-registered facilities can issue a Certificate of Destruction (COD) for the vehicle. For more information, you can visit "<https://www.doe.gov.my/en/list-of-authorized-automotive-treatment-facilities-aatf/>".

**22. Sekiranya saya enggan melupuskan kenderaan/masih ingin menyimpan kenderaan saya/menukar bahan api kepada diesel atau petrol, adakah saya masih layak untuk menerima tawaran program ini?**

Tidak. Salah satu syarat untuk mendapat tawaran ini pemilik kenderaan perlulah mengemukakan Sijil Pemusnahan (COD) dan sijil pembatalan pendaftaran dari pihak JPJ mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.

Sebarang modifikasi pada kenderaan anda adalah dibawah risiko dan kos anda sendiri.

**If I refuse to dispose of my vehicle/still wish to keep my vehicle/convert the fuel to diesel or petrol, am I still eligible to receive the offer under this program?**

No. One of the conditions to receive this offer is that the vehicle owner must submit a Certificate of Destruction (COD) and a deregistration certificate from JPJ in accordance with the specified terms and conditions.

Any modifications to your vehicle are at your own risk and expense.

**23. Apakah yang akan terjadi kepada kenderaan yang telah dilupuskan?**

Pihak AATF akan melupuskan kenderaan anda mengikut prosedur Jabatan Alam Sekitar Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (JAS). PNGV tidak terlibat di dalam sebarang aktiviti pelupusan. Sila hubungi pihak AATF untuk maklumat lanjut.

**What happens to vehicles that have been disposed of?**

The AATF will dispose of your vehicle according to the procedures of the Department of Environment, Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (JAS). PNGV is not involved in any disposal activities. Please contact the AATF for further information.

**24. Berapakah nilai Pakej Bantuan Peralihan bagi kenderaan bahan api tunggal NGV?**

Nilai pakej bantuan peralihan bagi kenderaan bahan api tunggal NGV program ini tertakluk kepada keputusan pihak PNGV berdasarkan laporan penilaian kenderaan anda dari wakil penilai bebas.

**What is the value of the transition assistance package under this program?**

The value of the transition assistance package for this program is subject to PNGV's decision, based on the vehicle valuation report provided by appointed independent valuer.

**25. Bilakah saya akan menerima pembayaran setelah bersetuju menerima Pakej Bantuan Peralihan bagi kenderaan bahan api tunggal NGV program ini?**

Bayaran akan dikreditkan ke dalam akaun bank anda yang didaftarkan selepas 5 hari bekerja mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.

**When will I receive the payment after agreeing to accept the offer package for this program?**

Payment will be credited to your registered bank account after 5 working days, subject to the specified terms and conditions.

**26. Apakah yang perlu saya lakukan jika pembayaran masih tidak dikreditkan ke dalam akaun bank saya?**

Anda boleh emel di alamat [mesralink@petronas.com](mailto:mesralink@petronas.com) atau hubungi khidmat pelanggan Mesralink ditalian 1-300-88-8181 untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**What should I do if the payment is not credited to my bank account?**

You can email at [mesralink@petronas.com](mailto:mesralink@petronas.com) or contact Mesralink customer service at 1-300-88-8181 for more information.

**27. Apakah yang perlu saya buat sekiranya kenderaan saya tidak tersenarai di dalam pautan [www.peralihanngv.com](http://www.peralihanngv.com)**

Anda boleh membuat rayuan di laman sesawang [www.peralihanngv.com](http://www.peralihanngv.com)



What should I do if my vehicle is not listed in the [www.peralihanngv.com](http://www.peralihanngv.com)?

You may submit an appeal at [www.peralihanngv.com](http://www.peralihanngv.com)

**28. Berapa lamakah tempoh menunggu keputusan permohonan rayuan saya?**

Anda akan mendapat keputusan dalam masa 30 hari daripada tarikh rayuan dibuat. Keputusan rayuan akan diberikan melalui alamat emel yang berdaftar.

**How long is the waiting period for the outcome of my appeal application?**

You will receive the decision of your appeal within 30 days from the date the appeal is made. The decision of the appeal will be given via the registered email address.

**29. Bagaimanakah cara untuk saya mengetahui status permohonan rayuan saya?**

Status permohonan rayuan anda boleh disemak melalui emel yang berdaftar bagi pakej bantuan peralihan bagi bahan api tunggal NGV. Sekiranya rayuan anda diterima, anda akan mendapat emel dan panggilan telefon dari wakil penilai bebas bagi sesi temujanji penilaian kenderaan anda dalam masa 7 hari selepas keputusan lulus rayuan.

Keputusan dari pihak Jawatankuasa PNGV adalah muktamad. Sebarang maklum balas boleh diajukan di [mesralink@petronas.com](mailto:mesralink@petronas.com) atau hubungi khidmat pelanggan Mesralink ditalian 1-300-88-8181 untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**How do I know the status of my appeal application?**

The status of your appeal can be checked through the registered email for the NGV single fuel transition assistance package. If your appeal is accepted, you will receive an email and a phone call from the representative of the independent valuer for a vehicle assessment appointment within 7 days after the approval of the appeal.

The decision of the PNGV Committee is final. Any feedback can be directed to [mesralink@petronas.com](mailto:mesralink@petronas.com) or contact Mesralink customer service at 1-300-88-8181 for further information.